

Headline	WV PENYUMBANG		
MediaTitle	Wanita & Wawasan		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	30,000
Page No	12	Readership	90,000
Language	Malay	ArticleSize	507 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,407
Frequency	Monthly	PR Value	RM 10,221



WV PENYUMBANG

MANSOR TUN ABDUL AZIZ

Kolumnis, *speaker* dan pada suatu masa dahulu, direktor kreatif bagi jenama Euro-Bosnia, Granoff, kini sibuk dengan kerja amal bersama pelbagai badan kebajikan dan sukarela seperti Pink Unity (bawah naungan Persatuan Kanser Malaysia) dan Persatuan Bulan Sabit Malaysia. Minat terhadap fesyen, dunia perniagaan dan retail tetap di dalam darah dagingnya. Begitu juga alam *high society* tetapi kini, garis panduan hidupnya ke arah yang lebih holistik dan seimbang. Jadual mingguannya tetap sarat dengan sesi taklimat bagi imej korporat syarikat-syarikat tersohor serta di kaca televisyen dan radio. Beliau juga sering diundang sebagai *stylist* untuk majalah-majalah dan editorial.



DR. NADZRI MOKHTAR

Terkenal sebagai doktor pakar antipenuaan dengan pengalaman lebih 10 tahun. Dia adalah seorang diplomat di Board of American Academy of Academy of Aesthetic Medicine. Kini bekerja sebagai Ketua Pengarah Perubatan di NARA MediSpa berpangkalan di Kuala Lumpur. Bidang utama yang diceburi oleh Dr. Nadzri adalah daripada perubatan bersepadu, menggabungkan Bio Hormon serupa, nutrasetikal, ubatan semulajadi dengan prosedur estetik. Hala tujuhnya untuk membetulkan ketidakseimbangan di dalam badan manusia dengan mengubah cara hidup, pemakanan dan komponen fizikal juga psikologi pesakit. Antara perkhidmatan perubatan yang ditawarkan di kliniknya adalah mengeluarkan profil hormon yang lengkap, antioksidan dan ujian tahap radikal percuma dan juga pengujian gene, juga menggabungkan perkhidmatan 'hypnotherapist' klinikal dan juga pelatih peribadi. Dr. Nadzri adalah graduan dari Trinity College Dublin pada 1999. Dia boleh dihubungi:

- nadzri@naramedispa.com
- nadzri.mokhtar@gmail.com
- 03-2691 7388 / 03-2282 9299


WAN IZHAR

Berkecimpung dalam dunia fotografi lebih daripada 10 tahun sebagai jurugambar dan 'retoucher'. Menerima pendidikan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) jurusan Seni Lukis dan Seni Reka. Memiliki pengalaman bekerja dan mendalami bidang pengimejan kreatif digital di Auckland, New Zealand. Dia sering menjadi jurugambar pilihan Datin Seri Tiara Jaquelina semenjak pementasan teater PGL lagi sehinggalah Agent Nora, Deborah Henry, Dayang Nurfaizah, Erra Fazira, Amber Chia dan Tengku Azura. Mereka antara selebriti yang pernah mendapat khidmatnya selaku jurufoto.



MUZAMMIL TAJUDDIN

anak muda yang masih menuntut di Universiti Selangor, Shah Alam dalam jurusan Fotografi Teknologi ini berasal dari Pulau Pinang. Muzammil mininati bidang fotografi sejak alam persekolahan. Minat mendalam terhadap subjek grafik membuat dirinya tidak teragak-agak untuk melebarkan sayap dalam bidang ini. Anak muda penuh wawasan ini, ingin menjadi seorang *fashion photographer* yang terkemuka di persada dunia. Memiliki studio fotografi sendiri adalah antara impiannya.



HANZ LEE

Anak muda kelahiran Taiping, Perak ini amat mininati bidang fotografi semenjak di bangku sekolah lagi. Menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sri kota kemudian pendidikan menengah di SMK Hua Lian 3. Tamat sahaja pendidikan di peringkat menengah, Hanz berhijrah ke kota metropolitan, Kuala Lumpur bagi memulakan karier dalam bidang fotografi. Bermula sebagai pembantu jurufoto profesional di Yipieyaya Studio, atas minat yang mendalam dalam bidang fotografi menjadikan dirinya bersungguh-sungguh meneroka dan mempelajari selok-belok dunia fotografi ini. Kreativiti yang sering ditampilkan dalam hasil kerjanya. Antara hasil yang membanggakan ialah penggambaran Astro untuk peserta Miss Astro dan Battleground.